



# COVID-19 Ranapkan Asia

Oleh **MOHD ARIF JUHANI ABDUL RAHMAN**

**PENGHUJUNG** tahun lalu, dunia dikejutkan dengan penularan wabak berjangkit 2019 novel corona virus (2019-nCoV) yang kemudiannya lebih dikenali sebagai COVID-19. Penularan yang bermula di Wuhan, iaitu ibu kota wilayah Hubei di China telah membawa implikasi besar sehingga menyebabkan kematian, manakala bandar tersebut pula dikenakan sekatan pergerakan (*lockdown*). Secara drastik, wabak ini merebak ke seluruh dunia termasuk Malaysia sehingga memberikan kejutan kepada ekonomi dunia terutama yang mempunyai pergantungan besar kepada China.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Centennial Asia Advisors, Manu Bhaskaran, walaupun kadar kematian daripada COVID-19 lebih rendah berbanding dengan Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) dan Sindrom Pernafasan Asia Barat (MERS) (berdasarkan data pada awal Mac) tetapi kesannya kepada

ekonomi jauh lebih besar kerana penularannya di seluruh dunia. Pada 11 Mac lalu, Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik. Rentetan hal tersebut, kata Bhaskaran, telah menyebabkan aktiviti ekonomi menjadi perlahan sehingga menggugat beberapa sektor penting seperti pelancongan. Beliau turut menjangkakan pertumbuhan ekonomi pada suku pertama tahun ini akan menjadi lebih perlahan termasuklah di Asia Timur dan Asia Tenggara.

Nikkei Asia Review turut membuat ulasan secara komprehensif terhadap beberapa buah negara Asia yang berhadapan dengan ancaman wabak COVID-19 terhadap pertumbuhan ekonomi di negara masing-masing. Bermula dengan Jepun sebagai kuasa ekonomi kedua terbesar di Asia. Tokyo dilihat sukar untuk mengelak, daripada berhadapan krisis ini. Apatah lagi dalam tempoh lima tahun yang

berakhir pada suku akhir tahun lalu, Jepun mengalami penguncupan terbesar selepas kenaikan cukai jualan dan bencana taufan yang dahsyat. Jepun yang juga merupakan destinasi pelancongan popular dalam kalangan rakyat China turut menghadapi kesukaran dalam sektor tersebut.

Sementara itu, ahli ekonomi Citigroup turut mengingatkan bahawa skala bencana ekonomi yang bakal ditanggung Jepun berdasarkan penurunan eksport barangan dari China telah meletakkan situasi tersebut sebagai “terlalu besar dan tidak pernah dijangkakan”. Ketua Ekonomi Jepun di Goldman Sachs, Naohiko Baba turut menegaskan bahawa risiko lebih besar akan dirasakan dalam kalangan penggunaan domestik. Institusi perbankan turut meramalkan bahawa Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Jepun akan menurun sekitar 0.3 peratus pada tahun ini.

Di Korea Selatan pula, ekonomi Seoul yang bergantung pada eksport telah menyaksikan peningkatan pada tahun lalu sebanyak dua peratus walaupun dalam tempoh sedekad, pencapaian tersebut adalah yang terendah. Berdasarkan ketegangan perang dagang Amerika Syarikat dan China yang semakin kendur, Bank Pusat Korea Selatan telah meramalkan pertumbuhan negara itu akan meningkat sehingga 2.3 peratus, manakala dua buah firma pembuatan cip terbesar: Samsung Electronic dan SK Hynix juga memberikan petunjuk bahawa pemulihan akan berlaku.

Namun begitu, wabak COVID-19 telah meranapkan ramalan positif tersebut. Hal ini boleh dikatakan demikian berdasarkan kedudukan Korea Selatan sebagai destinasi penting dalam rangkaian bekalan antarabangsa, manakala China pula kekal sebagai rakan dagangan yang penting. Situasi getir ini menyebabkan Citigroup terpaksa menilai semula ramalan KDNK Korea Selatan pada tahun ini kepada dua peratus.

Risiko ekonomi yang berpunca daripada dampak negatif COVID-19 juga telah memaksa Presiden Korea Selatan, Moon Jae-in, untuk mengisytiharkan republik itu dalam situasi darurat. Susulan daripada perisytiharan itu, Korea Selatan dilihat akan melaksanakan

pelbagai tindakan segera yang sesuai bagi menyokong pertumbuhan ekonomi negaranya.

Hal yang sama turut dihadapi oleh Taiwan yang merupakan jiran terdekat China. Walaupun negara tersebut memperoleh manfaat daripada perang dagang sebelum ini, berdasarkan rangkaian bekalan teknologi antarabangsa, Taiwan mempunyai pergantungan besar dengan China untuk mengimport produk perantara (*intermediary products*).

Jika ditinjau pada jangkaan bahawa akan berlaku penurunan dalam sektor pengeluaran, Taiwan turut merendahkan ramalan pertumbuhannya pada tahun ini kepada 2.37 peratus daripada unjuran 2.72 peratus pada November tahun lalu. Walau bagaimanapun, sesetengah ahli ekonomi masih optimis, di samping ramalan analisis yang dikeluarkan oleh JPMorgan menyatakan bahawa keadaan permintaan luaran Taiwan akan meningkat pada suku kedua, manakala kecenderungan para pengeluar Taiwan untuk memindahkan pengeluaran mereka ke Taiwan daripada tanah besar China akan diteruskan.

Sementara itu, Hong Kong pula menunjukkan perbezaan apabila beberapa bulan lalu dunia telah menyaksikan berlakunya pergolakan politik daripada demonstrasi besar-besaran, manakala perang dagang pula mengheret negara tersebut kepada kegawatan ekonomi.

Selepas wabak COVID-19 mula melanda China atau Wuhan secara khususnya, menurut ketua ekonomi India dan Asia ex-Japan di Nomura Holdings, Sonal Varma, peranan Hong Kong sebagai gerbang ekonomi kepada Beijing meletakkannya sebagai “paling terdedah” kepada virus tersebut dan kesan lanjutannya. Jarak Hong Kong yang hampir dengan China dan pergantungannya pada kehadiran pelancong dari sana telah meletakkannya pada risiko penularan virus yang tinggi. Anggaran nilai eksport Hong Kong ke China juga lebih separuh daripada jumlah keseluruhan.

**Jarak Hong Kong yang hampir dengan China dan pergantungannya pada kehadiran pelancong dari sana meletakkannya pada risiko penularan virus yang tinggi.**

Selain itu, kira-kira 29 peratus daripada KDNK Hong Kong telah disumbangkan daripada sektor perkhidmatan. Kedudukan ini menyebabkan ekonomi Hong Kong dengan mudah dipengaruhi oleh corak kecenderungan permintaan walaupun COVID-19 telah menyebabkan himpunan besar rakyat sebelum ini berkurangan secara mendadak.

Sementara itu, ahli ekonomi Citigroup, Adrienne Lui, menjelaskan institusi perbankan antarabangsa tersebut telah menilai semula ramalan pertumbuhan ekonomi berdasarkan penularan wabak tersebut yang menguncup kepada 1.1 peratus tahun ke tahun daripada unjuran pengembangan 0.7 peratus.

Terdapat juga penganalisis yang meramalkan situasi yang lebih parah sekiranya sekatan penuh dilaksanakan bagi tempoh yang lebih lama. Di sebelah Asia Tenggara pula, Thailand bakal menyaksikan kemerosotan dalam sektor pelancongan kerana 30 peratus daripada bilangan pelancong yang diterima ialah rakyat China. Situasi yang sama dijangkakan turut menimpa sektor eksport Thailand ke China yang merangkumi lebih lima peratus daripada KDNK.

Menurut Gareth Leather, ahli ekonomi Asia Kanan daripada Capital Economics, penutupan kilang-kilang di China akan memberikan gangguan kepada syarikat-syarikat Thailand yang bergantung sumber produk perantara pada China. Rentetan itu, sektor yang dijangkakan paling terkesan dengan gangguan ini ialah tekstil, automotif dan elektronik.

Pertumbuhan Bangkok pada tahun lalu dilihat masih berdaya tahan berdasarkan kedudukan kukuh mata wang Baht walaupun berhadapan dengan suasana global yang suram. Situasi ini turut mendorong Bank Pusat Thailand untuk merendahkan kadar penanda aras kepada satu peratus pada Mac lalu. Pejabat Majlis Pembangunan Sosial dan Ekonomi Kebangsaan Thailand pula membuat unjuran

bahawa jika COVID-19 berterusan hingga Jun, pertumbuhan akan menurun kepada 1.5 peratus berbanding dengan 2.4 peratus pada tahun lalu.

Negara maju seperti Singapura yang menjadi hab perkapalan serantau, pelayaran dan logistik yang meletakkan China sebagai pasaran penting bagi destinasi eksport barangan dan perkhidmatannya juga sukar mengelak daripada terdedah kepada kemelesetan China akibat COVID-19.

Tidak cukup tergugat dengan perang dagang Washington dan Beijing, pertumbuhan KDNK Singapura pada tahun lalu turut meleset pada kadar terendah sejak 2009. Ahli ekonomi berkata, ekonomi republik ini akan merosot pada suku pertama tahun ini ekoran penurunan kadar penerimaan pelancong luar yang 18.9 peratus adalah dari China.

Situasi buruk turut disumbangkan oleh sentimen negatif yang menggugat aktiviti ekonomi domestik. Pada Mac lalu, kerajaan telah merendahkan ramalan pertumbuhan bagi tahun ini antara -0.5 peratus hingga 1.5 peratus daripada 0.5 peratus hingga 2.5 peratus. Singapura turut menyediakan peruntukan sebanyak RM17.58 bilion (S\$4 bilion) daripada belanjawan pada tahun ini bagi membantu isi rumah dan perniagaan serta membelanjakan RM2.4 bilion (S\$551.84 juta) untuk membasmi wabak ini.

Sementara itu, di Vietnam pula, Kementerian Perancangan telah mendesak kerajaan untuk memperkenalkan pakej rangsangan pada Mac lalu bagi memastikan pertumbuhan negara bagi tahun ini tidak menjauhi sasaran 6.8 peratus. Menurut Kementerian Vietnam tersebut, sekiranya wabak COVID-19 berada di bawah kawalan bagi suku pertama, pertumbuhan tahun ini akan mencapai 6.25 peratus tetapi sekiranya situasi tersebut kekal kritikal, terdapat kemungkinan berlaku kemerosotan di bawah enam peratus. Ahli ekonomi Citigroup pula menjangkakan pertumbuhan Vietnam akan jatuh di bawah empat peratus pada suku pertama dan sekaligus merendahkan unjuran tahunan yang dibuat kepada 6.2 peratus.

Seperti negara tetangga yang lain, pertumbuhan Malaysia pada tahun lalu hanya mencapai kadar 4.3 peratus yang juga paling

**Indonesia dilihat terhidar bukan sahaja daripada pergolakan rantaian bekalan antarabangsa yang melibatkan China tetapi juga dalam penularan wabak COVID-19.**

rendah dalam tempoh sedekad. Menurut Gabenor Bank Negara, Datuk Nor Shamsiah Yunus, pada pertengahan Februari, wabak tersebut akan menjejaskan pertumbuhan tahun ini ekoran daripada bilangan pelancong yang menurun yang memberikan kesan kepada industri perhotelan, runcit, pengangkutan dan restoran. Permintaan yang rendah dan gangguan pengeluaran di China juga memberikan kesan kepada eksport komoditi dan pembuatan.

Menurut ahli ekonomi Asia dari Capital Economics, Alex Holmes, penutupan kilang-kilang di China memberikan gangguan yang signifikan kepada sektor pembuatan kerana syarikat akan berhadapan dengan krisis bekalan bahan buatan China yang terhad. Beliau juga mengunjurkan pertumbuhan Malaysia akan menurun kepada 1.5 peratus pada suku pertama tahun ini, iaitu lebih besar berbanding dengan kesan yang dibawa oleh wabak SARS pada tahun 2003. Filipina merupakan negara yang dijangkakan akan melonjak kukuh selepas menyaksikan pertumbuhan KDNK yang perlahan dalam tempoh lapan tahun. Pada tahun ini, Manila menasarkankan pengembangan antara 6.5 peratus hingga 7.5 peratus.

Penganalisis berkata, COVID-19 akan memberikan kesan kepada Manila melalui sektor pelancongan dan perkhidmatan yang berkaitan. Pelancong dari China merangkumi 22.1 peratus daripada jumlah ketibaan antarabangsa, iaitu meningkat berbanding dengan 4.1 peratus pada tahun 2005. Namun demikian, dengan jangkaan kemerosotan, institusi perbankan juga telah merendahkan ramalan pertumbuhan pada tahun ini antara 6.4 peratus daripada 6.7 peratus. Gabenor Bank Negara Filipina, Benjamin Diokno berkata, penyebaran COVID-19 juga telah memburukkan aktiviti ekonomi dan sentimen pasaran pada bulan-bulan yang berikutnya.

Sementara itu, Bank Pusat Indonesia, pada Mac lalu telah mengambil langkah merendahkan kadar polisi (*key interest rate*) untuk kali pertama dalam tempoh empat bulan kepada 4.75 peratus. Gabenor Perry Warjiyo kekal optimis bahawa impak ekonomi yang berlaku hanya sementara sahaja dan



akan mengalami pemulihan. Namun begitu, bank tersebut telah merendahkan ramalan pada tahun ini antara lima peratus hingga 5.4 peratus daripada 5.1 peratus hingga 5.5 peratus. Indonesia dilihat terhindar bukan sahaja daripada pergolakan rantai bekalan antarabangsa yang melibatkan China tetapi juga dalam penularan wabak COVID-19. Ketika dunia gawat dengan wabak tersebut, Bali yang menjadi destinasi pelancongan bukan sahaja masih menerima bilangan pelancong China yang ramai, malah tiada kes jangkitan penyakit tersebut dilaporkan.

Seperti Indonesia, India juga agak terhindar daripada penularan wabak COVID-19 dan kelembapan pertumbuhan China. Malah kehadiran pelancong China ke India dianggarkan hanya sekitar 2.7 peratus sahaja daripada jumlah keseluruhan. Namun begitu, India juga diingatkan terutama bagi syarikat pengimport bahawa gangguan bekalan dalam segmen penting ialah ancaman terbesar kerana sektor ini bergantung pada perkapalan dari China.

Berdasarkan kesan besar COVID-19 yang boleh mengundang krisis ekonomi antarabangsa, banyak pihak menyarankan supaya negara-negara penting yang menganggotai G20 segera mengambil tindakan bagi memastikan kesan buruknya dapat disekat. Namun demikian, berdasarkan situasi genting yang masih berterusan, sukar dijangkakan tindakan terbaik yang perlu dilaksanakan oleh dunia untuk mengekanginya. •

**COVID-19 yang bermula dari Wuhan, China, kini telah menjadi pandemik dan menular hampir ke seluruh pelosok dunia.**